

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

8. Apakah SOP Kerajaan Negeri untuk memasukkan kontraktor yang tidak mencapai kepuasan kehabisan kerja-kerja infrastruktur. Sila berikan senarai hitam yang terperinci bagi tahun 2019?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kontraktor yang didapati tidak melakukan kerja-kerja dengan sempurna adalah termasuk dalam 3 jenis kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 4 Tahun 2019 dan Pekeliling Perbendaharaan PK 8: Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan seperti berikut:-
  - (a) Kesalahan kerana melanggar syarat pendaftaran; atau
  - (b) Kesalahan kerana melanggar syarat tender/ kontrak; atau
  - (c) Kesalahan jenayah dan tanggungan sivil.

**Prosedur Tindakan Tatatertib Ke Atas Kontraktor**

- (a) Jabatan/Agensi Negeri hendaklah terlebih dahulu mengambil tindakan ke atas kontraktor berkenaan mengikut terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam perjanjian kontrak. Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan pentadbiran kontrak dilaksanakan dengan cekap dan teliti.

- (b) Jenis-jenis tindakan/ hukuman tatatertib yang boleh diambil bagi jenis-jenis kesalahan di perenggan 1 di atas adalah seperti berikut:-
- (i) Surat amaran.
  - (ii) Batal kod bidang.
  - (iii) Gantung pendaftaran.
  - (iv) Batal pendaftaran.
  - (v) Pemilik modal/ ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat/ firma perunding disenaraihitamkan.
  - (vi) Pembatalan taraf Bumiputera/pembuat.
- (c) Kesalahan atau keputusan tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas kontraktor juga hendaklah dilaporkan kepada Kementerian Kewangan atau Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil oleh pihak Kementerian Kewangan atau Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf.
- (d) Senarai perincian jumlah tindakan senarai hitam dalam Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (Sistem sysP) pada tahun 2019 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Senarai Perincian Jumlah Tindakan Senaraihitam Dalam Sistem sysP Pada Tahun 2019

Bil	Jenis Kesalahan	Jumlah Tindakan Senaraihitam Dalam Sistem sysP					
		Masih Dalam Senaraihitam		Telah Tamat Senaraihitam		Jumlah Tindakan Senaraihitam	
		Tempoh 1 tahun	Tempoh 2 tahun	Tempoh 1 tahun	Tempoh 2 tahun		
1	Kesalahan kerana melanggar syarat pendaftaran	1	1	-	-	2	
2	Kesalahan kerana melanggar syarat tender/ kontrak	-	1	1	-	2	
3	Kesalahan jenayah dan tanggungan sivil	-	-	-	-	-	
<b>Jumlah Tindakan Senaraihitam</b>		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>4</b>	